



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 1 OGOS 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	BINCANG KAEDAH LUPUS BOT, NEGARA, KOSMO -4 MOA, KDN BINCANG KAEDAH LUPUS BOT NELAYAN ASING, NASIONAL, BH -5 NASIB NELAYAN DIBELA, NASIONAL, SH -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
4. 5.	VIETNAMESE CREW, BOAT NABBED FOR ILLEGAL HARVESTING, NATION, THE STAR -16 FISHERIES DEPARTMENT DIRECTOR: ILLEGAL KELONG STILL RAMPANT IN JOHOR, SELANGOR AND PERAK, CENTRAL, CHINA PRESS -C10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8.	DISAMAN PINDAH KAMBING, BIRI-BIRI, DALAM NEGERI, UM -46 PEMANDU LORI DIDENDA BAWA HAIWAN TANPA KEBENARAN JABATAN VETERINAR, NEGARA, KOSMO -15 TIDAK SANGGUP JUAL LEMBO SADO, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
9.	BAYARAN EX-GRATIA DITENTUKAN LKIM, KERAJAAN NEGERI, DALAM NEGERI, UM -13	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
10. 11. 12. 13. 14.	AMBIL IKTIBAR NASIB NELAYAN TIMUR LAUT, DALAM NEGERI, UM -13 KELAB TASIK PUTRAJAYA ANJUR DURIAN FEST, NIAGA, KOSMO -46 PANGKALAN DATA DUSUN DURIAN DI NS, SENTRAL, BH -59 REZEKI KACANG BOTOL, SETEMPAT, HM -31 PENANG FISHERMEN WARY OF PSR, NATION/NEWS, NST -7	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MoA, KDN serius tangani isu pencerobohan nelayan asing

Bincang kaedah lupus bot

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) kini dalam proses perbincangan akhir bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) tentang cara melupuskan bot-bot nelayan asing yang dirampas kerana menangkap ikan di perairan negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub (gambar) berkata, pihaknya juga sedang meneliti kaedah yang tepat bagi memusnahkan bot-bot nelayan asing itu.

"Sama ada bom, bakar atau tenggelam itu kami sedang bincang. Mungkin dalam masa dua minggu akan ada satu atara untuk menunjukkan kepada pihak antarabangsa bahawa kita serius menangani isu ini.

"Saya juga mendapat taklimat daripada Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) bahawa ada beberapa bot nelayan Vietnam yang dilucutkan hak oleh mahkamah," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) ke-34/2019 di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah Nekmat, Abdul Hamid Bahari dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil.

Terdahulu, Salahuddin dalam ucapannya berkata, beliau bertemu Menteri Kelautan dan Perikanan Indonesia, Susi Pujiastuti baru-baru ini dan menggarut ketegasan Indonesia dalam me-



KERAJAAN masih dalam proses perbincangan akhir tentang kaedah melupuskan bot-bot nelayan asing yang dirampas kerana menangkap ikan di perairan negara. - Gambar hiasan

nangani isu pencerobohan kapal nelayan asing di republik itu.

"Tidak ada kapal nelayan asing (di Indonesia), mereka dihalau balik semua. Bot-bot besar diharuskan, tiada *soft landing*, tarik semua lesen.

"Bot asing masuk, bom. In-

tangan pendapatan lumayan khususnya pada nelayan negara. Kelmarin, media melaporkan Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, Malaysia sedang meneliti untuk mencontohi dasar kerajaan Indonesia dengan memusnahkan atau menenggelamkan kapal nelayan asing yang dirahan menceroth perairan negara.

Bellau berkata, terdapat cadangan supaya perkara itu dilaksanakan, namun perlu mendapat nasihat daripada Peguam Negara.

Awal bulan ini Salahuddin berkata, tindakan menenggelamkan bot nelayan asing yang menceroth perairan Malaysia hanya akan dipertimbangkan jika langkah menanganinya pencerobohan pada masa ini termasuk penubuhan pasukan petugas khas oleh Kabinet tidak

berkesan. - Bernama

MOA, KDN bincang kaedah lupus bot nelayan asing

Langkah bukti Malaysia serius tangani isu pencerobohan

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) kini dalam proses perbincangan akhir bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) bertubung kaedah melupuskan bot nelayan asing yang dirampas kerana menangkap ikan di perairan negara.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pihaknya juga sedang meneliti kaedah tepat bagi memusnahkan bot nelayan asing berkenaan.

"Kami sedang bincang tindakan

perlu dilakukan terhadap bot nelayan asing itu sama ada bom, bakar atau ditenggelamkan.

"Mungkin dalam masa dua minggu akan ada satu acara untuk menunjukkan kepada pihak antarabangsa bahawa kita serius menangani isu pencerobohan nelayan asing.

"Saya juga mendapat taklimat daripada Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia bahawa ada beberapa bot nelayan Vietnam yang dilucutkan hak oleh mahkamah," katanya berucap pada majlis perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) ke-34/2019 di sini, semalam.

Yang turut hadir: Pengerusi Lembaga Pengarah NEKMAT, Abdul Hamid Bahari dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil.

Salahuddin berkata, beliau juga sudah bertemu Menteri Kelautan dan Perikanan Indonesia, Susi Pu-djastuti, baru-baru ini dan menagumi ketegasan Indonesia menangani isu pencerobohan kapal nelayan asing di negara itu.

"Tidak ada kapal nelayan asing (di Indonesia), semuanya dihalau balik. Bot besar pula diharankan, tiada *soft landing*, tarik semua lesen.

"Jika bot asing masuk, akan dibom. Indonesia sudah melaksanakan prosedur itu sejak tiga tahun lalu. Pada tahun pertama, dimaki hamun dan sumpah, namun masuk tiga tahun, ikan tuna datang berenang ke pantai," katanya.

Salahuddin berkata, apabila pihaknya bertegas, hasil laut juga akan meningkat dan ia mendedahkan pendapatan lumayan,

khususnya pada nelayan negara. Keldarin, media melaporkan Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, Malaysia sedang meneliti untuk mencontohi dasar Kerajaan Indonesia memusnahkan atau menenggelamkan kapal nelayan asing yang ditahan menceroboh perairan negara.

Beliau berkata, terdapat cadangan perkara itu dilaksanakan, namun perlu mendapat nasihat daripada Peguam Negara.

Awal bulan lalu, Salahuddin berkata, tindakan menenggelamkan bot nelayan asing yang menceroboh perairan Malaysia hanya akan dipertimbangkan jika langkah menangani pencerobohan nelayan asing pada masa ini, termasuk penubuhan pasukan pe-tugas khas oleh Kabinet tidak berkesan.

BERNAMA



Kami sedang bincang tindakan perlu dilakukan terhadap bot nelayan asing itu sama ada bom, bakar atau ditenggelamkan.

Salahuddin Ayub,
Menteri Pertanian
dan Industri Asas Tani

Menteri hasrat tingkatkan pendapatan nelayan dalam tiga tahun

SHAMSUL ABDUL GHANI &
RIDAUDIN DAUD

KUALA LUMPUR

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Salahuddin Ayub meletakkan misi untuk membantu meningkatkan pendapatan nelayan dalam masa tiga tahun akan datang.

Menurutnya, antara langkah bakal diambil adalah dengan membanteras pencerobohan kapal nelayan asing dan menghalang kemasukan bot-bot kelas B dan C ke perairan Zon A.

Mengambil contoh ketegasan Indonesia, Salahuddin memaklumkan ekosistem perairan negara itu kembali pulih selepas mereka bertegas menguatkuasakan undang-undang di perairan mereka.

"Inilah cita-cita saya, tiga tahun akan datang nelayan akan dapat meningkatkan pendapatan mereka tapi saya mesti ada keberanian untuk lakukan ini.



Nasib nelayan dibela

"Dalam masa tiga tahun insya-ALLAH kita akan dapati sumber ikan bertambah, membiak dengan baik. Kita akan dapati hanya dengan menggunakan bot-bot kecil, tangkapan nelayan amat lumayan.

"Ia sama seperti mana nela-

yan di Indonesia, negara yang serius dalam menguatkuasakan peraturan di perairan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) ke-34/2019 di sini malam kelmarin.

Tambah Ahli Parlimen Pulau itu, beliau kini sedang melihat beberapa polisi baharu yang akan dipertimbang untuk dikuatkuasakan dan ia termasuklah menghapuskan penggunaan pukat yang tidak lagi relevan.

Menurutnya, penguatkuasaan terhadap pencerobohan juga perlu dipertingkatkan yang bukan melibatkan isu warga asing sahaja tetapi membabitkan bot kelas C dan B yang masuk ke perairan Zon A.

"Kita mesti bertegas, pukat-pukat ini yang menjahanamkan

Inilah cita-cita saya, tiga tahun akan datang nelayan akan dapat meningkatkan pendapatan mereka tapi saya mesti ada keberanian untuk lakukan ini."

- Salahuddin

ekosistem. Saya harap nelayan akan berdiri di hadapan dan belakng saya dalam menguatkuasakan semua ini," ujarnya.

Sementara itu, dalam majlis sama, Nekmat turut menyampaikan sumbangan RM250,000 kepada Tabung Yayasan Nelayan Malaysia (Yanem) yang diserahkan Pengerusi Lembaga Pengarah Nekmat, Abdul Hamid Bahari.

Nekmat juga menandatangani nota kerjasama projek Sistem Penentuan Lokasi Penangkapan Ikan (FSI) dan menerima pembiayaan RM3 juta bagi pembinaan Kilang Air Batu Nekmat di Kelantan.

Selain itu, seramai 10 orang mahasiswa yang merupakan anak nelayan diberi Anugerah Pelajar Cemerlang dan menerima wang saku berjumlah RM2,000 setiap seorang dan sijil penghargaan.

Bukan itu saja, Agrobank turut menyampaikan sumbangan zakat fisaillah sebanyak RM50,000 kepada 100 orang anak nelayan terpilih yang kini sedang menyambung pengajian di peringkat diploma dan ijazah.



Salahuddin (tiga dari kanan) menunjukkan ikan segar yang dibungkus sebagai simbolik perasmian majlis. Turut serta Pengerusi Lembaga Ikan Malaysia (LKIM), Faiz Fadzil (tiga dari kiri) dan Abdul Hamid.



Penerima-penerima yang menerima Anugerah Pelajar Nelayan Cemerlang IPTA 2018 daripada Salahuddin pada majlis berkenaan.

Penyampaian anugerah pelajar cemerlang:

- Seramai 10 orang penerima
- Hadiah wang saku berjumlah RM2,000 seorang dan sijil penghargaan
- Anak-anak ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) kategori 11 (1)
- Pengajian di peringkat Ijazah pertama semester dua ke atas
- CGPA 3.5 ke atas

Penyampaian sumbangan zakat fisaillah daripada Agro bank (zakat pendidikan sebanyak RM50,000):

- Seramai 100 orang anak nelayan yang terpilih (RM500) seorang
- Ahli-ahli PNK
- Pengajian di peringkat diploma dan Ijazah pertama

Vietnamese crew, boat nabbed for illegal harvesting

By KRISTY INUS
newsdesk@thestar.com.my

KOTA KINABALU: Authorities have nabbed a boat with six Vietnamese crew members off Kudat district waters on Monday.

According to Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA), over 300kg of sea cucumbers were found on the boat with a local registration number.

"The boat was apprehended around 4.40pm on July 29 at 1.8 nautical miles northeast from Pulau Mandi Darah, Pitas, in Kudat waters.

"The vessel had six fishermen aged between 21 to 40 years old," said Kudat Maritime Zone director, Maritime Commander Boon Chin Chau, in a statement.

Preliminary inspections of the boat's document showed the actual specification of the boat was different from the details on the document.

"Furthermore, checks on the fishermen's passports found no record of their movements in and out of Malaysia.

"This created more doubt, so we apprehended them and the boat for further investigations," he said, adding that it was a difficult task bringing the boat back to Kudat due to the distance as well as turbulent weather.

"They arrived at the Kudat public jetty accompanied by a maritime patrol boat. The case is being investigated under the Fisheries Act 1985 and Immigration Act 1959/63.

"The total seizure including vessel, equipment and sea cucumbers is estimated to be worth RM550,000.

"Such boats, that does not have a fishing net, are used to collect sea



Caught: The ship carrying a crew of six Vietnamese was believed to have been harvesting sea cucumbers.

cucumbers using a device," Boon said, adding that waters there are known to be rich with sea cucumbers.

He said the method used by these "foreign thieves" is forbidden as it destroys corals, thus threatening the ecosystem.

Meanwhile, Bernama reported that the Agriculture and Agro-based Industries Ministry (MoA) is now in the advanced discussions

with the Home Ministry on methods to dispose foreign boats seized in national waters.

"Whether they are to be bombed, burnt or sunk are being discussed. It is likely that in two weeks, there will be an event to show the international community that we are serious in tackling incursions by foreign fishermen.

"I have also received a briefing from the director-general of the Fisheries Department that there were several Vietnamese boats that had been seized," said Agriculture Minister Salahuddin Ayub at the official opening of the National Fishermen Association's (Nekmat) AGM here today.

Also present were chairman of the Nekmat board, Abdul Hamid Bahari, and chairman of the Malaysian Fisheries Development Board, Muhammad Faiz Fadzil.

Headline	Fisheries department director: Illegal kelong still rampant in Johor, Selangor and Perak		
MediaTitle	China Press		
Date	01 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Central	Circulation	127,822
Page No	C10	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	389 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,673
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,019



漁業局總監 非法奎籠捕魚作業 柔雪霹仍活躍使用

【曼絨31日訊】大馬漁業局總監拿督慕尼莫哈末納威說，柔佛、雪蘭莪及霹州是國內3個州屬，當地漁民仍活躍使用非法奎籠(bubu naga)捕魚作業。

“吉打也有少數的漁民使用非法奎籠捕魚作業，而使用奎籠捕魚的漁民，都是本地的非法漁民。”

慕尼莫哈末納威日前在蘇丹納茲林沙漁業學院，出席由當局舉行的“漁業局重新研究策略計畫書”推介禮後，記者會上如是發言。

他說，執法單位於今年1月至今，在全國各地共接獲及處理314宗涉及使用非法奎籠捕魚的個案，並充公及銷毀多達3714個奎籠；與2018年的468個個案及銷毀2000個奎籠比較，有增加之勢。

“執法人員將繼續前往各地漁村巡視及展開取締行動，確保漁民遵守漁業法令，合法捕

獲作業。”
他也說，目前，我國漁業界生產193萬噸，市價約141億令吉的漁獲應市，約占國內生產總值(GDP)的0.9%，有能力應付國民對漁獲的市場要求。

另一方面，農業及農機工業部秘書長拿督莫哈末沙列胡丁哈山致開幕詞時，贊揚漁業局推出“漁業局重新研究策略計畫書”，因為這有助於漁業局全員更了解漁業局、農業部及第十大馬計畫(2016年至2020年)的前進和改革方向，及更專注和有效率地執行日常作業。

“該改革也和首相的治國理念同步，即提高農業生產包括漁業、減少入口糧食、提高國民收入及消費能力，或可效仿中國自給自足，生產糧食供給多達1400萬人民。”

他隨後也于活動中移交“漁業局重新研究策略計畫書”給各州的漁業局代表。



■莫哈末沙列胡丁哈山(右)在慕尼莫哈末納威及霹州漁業局主任查基陪同下，主持“漁業局重新研究策略計畫書”推介禮。



■佛、雪三我及霹州使用率最高。
慕尼莫哈末納威指奎籠在柔

Disaman pindah kambing, biri-biri

Oleh **NURUL HUDA HASSAN**

pengarang@utusan.com.my

■ **JOHOR BAHRU 31 JULAI**

S EORANG pemandu lori sambil didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret di sini hari ini selepas mengaku bersalah memindahkan sejumlah kambing dan biri-biri hidup tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor, akhir bulan lalu.

Majistret Nurasidah A. Rahman menjatuhkan hukuman itu selepas Orang Kena Saman (OKS) Ibrahim Salleh, 67, yang bertugas di sebuah syarikat penternakan kambing membuat pengakuan tersebut sejurus selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya oleh jurubahasa mahkamah.

OKS yang berasal dari Taman Sri Lanang, Kota Tinggi turut diperintahkan menjalani hukuman penjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, Ibrahim didakwa membawa 40 ekor kambing dan 20 biri-biri hidup menggunakan sebuah lori tanpa perakuan kebenaran pindah daripada Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor atau wakilnya.

Dia didakwa melakukan kesalahan tersebut di tepi Jalan



PEMANDU lori, Ibrahim Salleh, 67 (kiri) didenda RM5,000 selepas mengaku bersalah membawa 40 kambing dan 20 biri-biri hidup tanpa kebenaran menggunakan lori di Mahkamah Majistret Johor Bahru.

Dato' Onn Utama di sini yang mana kawasan itu diwartakan sebagai kawasan kawalan penyakit kuku dan mulut Negeri Johor 2005, kira-kira pukul 10.45 pagi, 27 Jun lalu.

Pertuduhan terhadapnya dibuat mengikut Perenggan 2(a) (iii) Perintah Kawasan Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut Negeri Johor 2005 (J.P.U 10) dan boleh dihukum di bawah subseksyen 36(7) Akta Binatang (Pindaan) 2013 yang memperuntukkan

hukuman denda maksimum RM15,000.

Terdahulu OKS memohon mahkamah mengenakan denda yang ringan dengan alasan mempunyai lima tanggungan selain bekerja sambil dengan gaji RM40 sehari.

Pendakwaan dikendalikan yang dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Veterinar Negeri Johor, Faiz Ajis manakala Ibrahim tidak diwakili peguam bela.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2019	KOSMO	NEGARA	15

Pemandu lori didenda bawa haiwan tanpa kebenaran Jabatan Veterinar

JOHOR BAHRU - Seorang pemandu lori didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret di sini semalam atas kesalahan membawa kambing dan biri-biri tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Johor pada bulan lalu.

Majistret Nurasidah A. Rahman menjatuhkan hukuman itu selepas Ibrahim Salleh, 67, selaku Orang Kena Saman (OKS) mengaku bersalah atas pertuduhan yang dihadapinya.

Mahkamah turut mengarahkan Ibrahim dari Kota Tinggi dekat sini menjalani hukuman penjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda.

Ibrahim didakwa



IBRAHIM (kanan) menutup muka selepas dijatui hukuman denda kerana membawa haiwan tanpa kebenaran JPV di Mahkamah Majistret Johor Bahru semalam.

membawa 40 ekor kambing dan 20 ekor biri-biri hidup menggunakan sebuah lori tanpa perakuan kebenaran pindah daripada Pengarah JPV

Johor atau wakilnya.

Kesalahan itu dilakukan pada pukul 10.45 pagi, 27 Jun lalu di tepi Jalan Dato' Onn Utama di sini yang diwartakan

sebagai kawasan kawalan penyakit kuku dan mulut.

Pendakwaan dijalankan mengikut Perintah Kawasan Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut Negeri Johor 2005 dan boleh dihukum mengikut Akta Binatang (Pindaan) 2013 (Akta A1452) yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM15,000.

Terdahulu, Ibrahim yang bekerja sambilan sebagai pemandu lori dengan gaji RM40 sehari merayu jumlah denda yang rendah dengan alasan dia mempunyai lima tanggungan.

Kes tersebut dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya JPV Johor, Faiz Ajis.

Meskipun terima tawaran lumayan berjumlah RM22,000

Tidak sanggup jual lembu sado

Oleh TOREK SULONG

PASIR PUTEH - Walaupun ditawarkan dengan harga RM22,000 untuk seekor lembu pejantan limousin, penternak dari Wakaf Zin, Bachok tetap tidak berhasrat menjual ternakannya.

Penternak tersebut, Abdul Rahim Salleh, 74, berkata, lembu jantan berusia tiga tahun miliknya itu dipelihara sejak berusia enam bulan.

Menurutnya, lembu kesayangan itu dibeli daripada rakan penternak di Kam-

pung Rekan pada harga RM7,000.

"Lembu saya ini kerap dipamerkan pada karnival pertanian di seluruh Kelantan dan sering kali menang hadiah utama.

"Setakat ini, saya tidak berhasrat untuk menjualnya. Jika saya setuju menjualnya, harga lembu itu mestilah yang lebih 'selesa' bagi saya iaitu tidak kurang RM25,000," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan pameran untuk pameran Hari Peladang, Penternak dan

Nelayan Negeri Kelantan (HPNKK) yang bermula hari ini di Pantai Bisikan Bayu, dekat sini.

Selain pejaman limousin, turut dipamerkan lembu pejaman angus, charolais, unggul blonde, piedmabtese, Kedah Kelantan dan Bel-gium blue.

Lembu-lembu sado itu antara tarikan utama pada HPNKK yang berakhir 4 Ogos ini.

Majlis perasmian HPNKK akan disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakub.



ABDUL RAHIM (kanan) tidak berhasrat untuk menjual lembu jantan miliknya meskipun mendapat tawaran yang lumayan.

Bayaran ex-gratia ditentukan LKIM, kerajaan negeri

PULAU PINANG 31 Julai - Pemaju projek Seri Tanjung Pinang 2 (STP2), Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd. (TPD) menegaskan, jumlah bayaran *ex-gratia* kepada nelayan yang terjejas dengan aktiviti tambak laut di kawasan itu ditentukan oleh kerajaan negeri dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). TPD dalam satu kenyataan

berkata, selepas kumpulan nelayan pertama yang menerima pembayaran *ex-gratia*, TPD mengambil inisiatif membantu 40 nelayan dan 15 anak kapal yang layak tetapi tidak berada di dalam senarai untuk membuat rayuan kepada pihak berkuasa dan bayaran kedua *ex-gratia* dilakukan pada 31 Oktober 2015.

"Sejak 2003, terdapat penglibatan berterusan antara komuniti nelayan dengan TPD menyumbang kepada komuniti nelayan dalam skop yang selaras dengan undang-undang.

"Malah, jumlah bayaran *ex-gratia* kepada nelayan yang layak ditentukan oleh pihak berkuasa negeri dan LKIM," kata

kenyataan itu di sini hari ini.

Kenyataan itu merujuk sidang akhbar sekumpulan nelayan di kawasan Tanjung Tokong, Gurney Drive, Pangkalan Paramount dan Tanjung Bunga yang terjejas akibat projek STP2 hari ini yang menyuarakan perasaan tidak puas hati dengan projek tambak laut di situ.

Nelayan mendakwa, projek tambak laut itu menyebabkan kawasan tersebut mengalami kepupusan ikan serta hidupan laut yang teruk sehingga menjejaskan pendapatan mereka.

Mereka mendakwa pampasan RM15,000 yang diberikan pema-ju juga tidak setimpal dengan kehilangan pendapatan yang mereka alami pada masa ini.

Ambil iktibar nasib nelayan Timur Laut

Oleh SAFINA RAMLI
pengarang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 31 JULAI

KOMUNITI nelayan di kawasan selatan negeri ini diminta mengambil iktibar daripada nasib nelayan pantai di kawasan Tanjung Tokong, Gurney Drive, Pangkalan Paramount dan juga Tanjung Bunga yang kini terjejas akibat aktiviti penambakan laut di situ.

Ini kerana menurut Ketua Unit Komuniti Nelayan Tanjung Bunga, Ismail Din, projek tambak laut di selatan negeri (PSR) itu bakal memberikan impak lebih buruk daripada yang dialami oleh nelayan di kawasan Timur Laut yang terjejas akibat projek penambakan Seri Tanjung Pinang 1 (STP1) dan Seri Tanjung Pinang 2 (STP2).

Ismail berkata, komuniti nelayan di kawasan selatan juga dinasihatkan tidak mudah terfatu dengan tawaran pampasan yang bakal dikemukakan pema-ju kerana kesan jangka panjang akibat projek PSR akan mengakibatkan nelayan kehilangan sumber pendapatan.

"Kesan akibat projek PSR nanti dijangka lebih buruk daripada apa yang sedang berlaku di kawasan Timur Laut kerana ia merupakan sebuah projek pada skala yang besar.

"Nelayan kawasan selatan jangan jadi macam kami, jangan kena macam kami disebabkan pampasan RM15,000 kami masuk dalam perangkap, ambillah iktibar daripada apa yang berlaku sekarang," katanya dalam sidang akhbar di Pondok Komuniti Nelayan Pangkalan Tanjung Tokong, di sini hari ini.

Yang turut hadir, ahli-ahli serta wakil Komuniti Nelayan Pangkalan Gurney Drive, Pangkalan Paramount dan Pangkalan



SEBAHAGIAN waki pertubuhan bukan kerajaan bersama nelayan tempatan mengadakan demonstrasi berhubung projek penambakan laut di Tanjung Tokong, Georgetown, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/SAZALI CHE DIN

Tanjung Bunga.

Dalam pada itu, Pengerusi Komuniti Nelayan Pangkalan Tanjung Tokong, Mohd. Ishak Abd. Rahman berkata, token sebanyak RM15,000 yang dibayar pihak pema-ju kepada nelayan pada 2015 itu bukan pampasan yang wajar untuk kehilangan mata pencarian nelayan.

"Ketika itu, kami diberitahu jika tidak menerima token, kami tidak akan dibayar apa-apa lagi.

"Kami tidak dirujuk untuk berbincang mengenai pampasan, seolah-olah bila pema-ju bayar RM15,000 ia seperti laut ini mereka punya," katanya.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa (AJK) Cawangan Khas Komuniti Nelayan Tanjung Bunga, Ronald Khoo Boo Lye berkata, kerajaan negeri sepatutnya

menyelesaikan terlebih dahulu masalah yang sedang dihadapi nelayan di kawasan Timur Laut sebelum menambak kawasan selatan untuk projek PSR.

"Nelayan di sini amat malang kerana nasib kami tiada siapa yang mahu ambil peduli.

"Kami hanya mahu meneruskan pekerjaan, kami minta bot berkuasa tinggi sejak empat tahun lalu namun tidak pernah dipedulikan permintaan itu, selesaikan dulu masalah kami sebelum mula tambak tempat lain," katanya.



ISMAIL DIN

PUNCAK SENTUL
MAGAZINE SALES

PEGANGAN BEBAS | 700-850 K.P
Harga Dari RM417,800
03-2282 9993

UOA GROUP

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTRA)

Tender adalah diposka kepada kontraktor yang mempunyai Sijil Kemahiran Kejuruan Malaysia (KKM) mengikut kod bidang yang berkaitan dan bertaraf Bumiputera yang masih sah tempohnya dibenarkan menyertai tender berikut:

NO. TENDER	PERIHAL KERJA	HARGA DOKUMEN/ TARIKH MULAI DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN
MB/BU/33/2019	Kerjasama penyediaan kelengkapan peralihan rangkaian, puaat data dan migrasi server bagi Menara Meja Bandaraya Johor Bahru.	RM300.00 12.8.2019 11.00.00 29.8.2019	Kementerian Kawangan Malaysia (KKM) Kod Bidang 210102, 210103, 210104, 210105, 210106 DAN 210107 (Peralatan / Kelengkapan Komputer)
	Tarikh Tamat & : 12.8.2019 (Isnin) Lawatan Tapak Tempat : Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Khidmat Pengurusan, Aras Bawah, Meja Bandaraya Johor Bahru.		
	Jam : 9.30 pagi Tarikh Tutup Tender : 29.8.2019 (Isnin)		HANYA PENAMA DALAM SUJIL KKM Dibenarkan Hadir Taklimat Lawatan Tapak
	Jam : 12.00 tengah hari No. Fail : MB/BU/2019/07/PR/US (Tamat di pejabat dan lawatan tapak berakhir)		

- Dokumen Meja Tender boleh disimak di Bahagian Berkenaan semasa waktu pejabat mulai Tender ini ditamatkan laitu pada 1.8.2019 (Khamis). Untuk keterangan lanjut sila layari laman web MBJS idu www.mbjb.gov.my
- Dokumen Tender boleh didapati semasa waktu pejabat di Kaunter Setempat (No. 7), Aras Bawah, Jabatan Kawangan, Majlis Bandaraya Johor Bahru mulai tarikh yang ditetapkan di atas.
- Penender yang berminat untuk menyertai lawatan ini adalah DIWAJIBKAN menghadiri taklimat di pejabat di Bahagian yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. HANYA PENENDER (Penama dalam Sijil CIDB) SAHAJA DIBENARKAN hadir ke taklimat di pejabat DAN TIDAK BOLEH DIWAJIBKAN. Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran sebagaimana para 7 semasa taklimat di pejabat.
- Penender DIWAJIBKAN untuk mendaftar syarikat secara dalam talian menggunakan sistem i-perolehan sebelum hari tamat diadakan melalui laman [www.i-perolehan](http://eppuapi.lmbjb.gov.my). Segala kesulitan yang dihadapi ketika hari tamat akibat tidak mendaftar adalah di bawah tanggungan pihak penender sendiri. "Sila abaikan syarat ini jika syarikat telah mendaftar"
- Penender yang ingin memasuki lawatan di atas adalah dibenarkan membuat bayaran secara Tunai atau Wang Pua di atas nama DATUK BANDAR, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU sebagai bayaran Dokumen Tender.
- Dokumen Tender akan dikembalikan kepada waki-waki kontraktor yang sah sahaja. Untuk ini waki-waki kontraktor hendaklah membawa Sijil SSM, berserta satu salinan setiap Sijil semasa membuat dokumen tender sebagaimana berikut:
 - Pisau/Pemotong Kontraktor (PPK) oleh CIDB;
 - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK (SPKK);
 - Sijil Virtual Kementerian Kawangan Malaysia (KKM) dan Taraf Bumiputera (Lita Berlembang);
 - Sijil Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Permit IPA Pembekalan Jenis D atau E) (Jika Berlembang)
- No. Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- Dokumen Tender yang telah diangkatkan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat bertakrif serta dibalut lita. Tender dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah lita sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Unit Mesyuarat, Aras 1, Majlis Bandaraya Johor Bahru sebelum jam 12.00 tengah hari pada 2.9.2019 (Isnin)
- Dokumen Tender yang di hantar melalui pos biasa / pos laju hendaklah dimasukkan ke Bahagian Utas Bawah & Kontrak, Aras Bawah, Meja Bandaraya Johor Bahru untuk dimasukkan di dalam Peti Tender sebelum 12.00 tengah hari pada tarikh tutup yang di tetapkan di atas. (Pihak MBJS tidak bertanggungjawab sekiranya surat tidak diterima)
- Maaf tidak bersedia menerima telefon yang kerencuh hangatnya atau sebarang lawatan yang lain.

(DATUK) HAJI AMRAN BIN A. RAHMAN
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Kelab Tasik Putrajaya anjur Durian Fest

JAMU SELERA. Musim durian yang masih berlangsung dan bakal berterusan sehingga bulan September ini, telah memberi peluang kepada Kelab Tasik Putrajaya menganjurkan Durian Fest 2019 bertempat di kelab tersebut di Putrajaya baru-baru ini.

Pengurus kelab, Azizan Baharom berkata, program yang masuk tahun kedua itu lebih menarik kerana ia telah bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi membekalkan buah durian bermutu tinggi dari Raub, Pahang.

Pelbagai jenis durian ditawarkan kepada pengunjung selama tiga hari bermula 26



AZIZAN (dua dari kanan) menunjukkan durian yang ditawarkan bersempena Festival Durian di Kelab Tasik Putrajaya baru-baru ini.

Julai lalu dengan melibatkan buah durian musang king, D24 dan juga durian kampung.

Selain menikmati buah durian, pengunjung boleh membeli nanas, masakan berasaskan durian seperti

serawa, cempedak goreng dan juga tawaran makanan daripada beberapa food truck yang menawarkan pelbagai makanan dan minuman serta dihiburkan dengan persembahan pemuzik jalanan.

Pangkalan data dusun durian di NS

Dijangka siap hujung tahun ini guna aplikasi Google Map

Oleh Abnor Hamziam
Abd Manap
bhnews@bh.com.my

Jempol: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan sedang menyiapkan pangkalan data mengenai pokok dan dusun durian di seluruh negeri itu yang kemudian akan boleh diakses oleh orang ramai menerusi aplikasi Google Map.

Usaha itu dilakukan bagi membolehkan orang ramai mengetahui lokasi dusun durian yang berkualiti sekali gus mengelakkan penipuan terutama membabitkan spesies 'elit'.

EXCO Pertanian Dan Industri Asas Tani negeri, Bakri Sawit, berkata ketika ini kira-kira 22,000 pokok durian atau 40 peratus pokok sudah dibuat penandaan.

"Kerja penandaan membabitkan dusun atau kebun yang sudah berdaftar dengan Jabatan Pertanian dan dijangka siap menjelang hujung tahun ini.

"Apabila siap sepenuhnya, orang ramai boleh mencari lokasi dusun atau kebun durian yang mempunyai buah berkualiti tanpa sebarang masalah sekali gus dapat mengelakkan penipuan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke dusun durian di Kampung Chennai, di sini, semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klawang itu berkata, usaha dilakukan jabatan itu tepat pada masa berikutan 'raja buah' itu semakin mendapat permintaan termasuk dieksport ke luar negara.

Justeru, katanya, semua data berkaitan yang dapat diakses oleh orang ramai menerusi Google Map itu akan memberi manfaat terutama dalam bidang tanaman durian.

Sementara itu, Bakri berkata durian Jelebu mendapat perha-



Bakri (kanan) meninjau pusat pengumpul durian di Kampung Chennai, semalam. [Foto Abnor Hamziam Abd Manap /BH]

tian disebabkan rasanya berbeza dengan durian tempat spesies lain.

"Tidak hairan apabila ada pihak yang sanggup menipu dengan durian ditanam di kawanya.

san tanah tinggi selain kualiti tanah menjadikan durian di sini menjadi pilihan orang ramai termasuk dari luar daerah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	31

SYED Firdaus mengusahakan projek tanaman kacang botol secara komersial di Kampung Tamin.

HARIAN METRO

Rezeki kacang botol

■ Pemuda jana hasil lumayan hasil kebun secara komersial

Roselan Ab Malek
bhnews@bh.com.my

Jerantut

Seorang pemuda mampu tersenyum lebar apabila tanaman kacang botol diusahakan mendapat permintaan tinggi daripada pemborong sekitar daerah ini dan Selangor.

Syed Firdaus Syed Muhammad, 23, berkata, projek tanaman kacang botol itu diusahakannya secara komersial di atas tanah seluas 0.4 hektar.

“Ramai petani mengusahakan tanaman seperti timun, cili, terung, kacang panjang dan bendi, tetapi saya memilih kacang botol atau kacang kelisa.

“Penjagaannya juga tidak rumit dan kurang terdedah kepada serangan penyakit kecuali ancaman lalat buah,” katanya, ketika ditemui di Kampung Tamin, semalam.

Pemuda ini berkata, selepas dua bulan tanaman itu sudah mula mengeluarkan hasil dan pokoknya tahan lama.

Katanya, minatnya terha-



dap pertanian bermula sejak kecil berikutan kerap menemani bapanya mengusahakan kebun.

“Selepas tamat pengajian di Kuliah al Lughah Waddin di Pekan, saya terus memabitkan diri dalam bidang pertanian.

“Malah, saya mengikuti kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang pertanian di Institut Pertanian Ayer Hitam, Johor,”

katanya.

Anak bongsu daripada lima beradik itu berkata, harga kacang botol yang stabil membolehkan dia memperoleh pendapatan lumayan.

“Kacang botol ini dipetik setiap dua hari sekali dan dihantar ke Pasar Borong Selayang di Selangor dan Pasar Besar Jerantut serta mampu mengeluarkan 100 kilogram selang sehari tuai,” katanya.

PENANG SOUTH RECLAMATION

PENANG FISHERMEN WARY OF PSR

Northeastern Penang fisherfolk warn peers of danger to livelihood from reclamation

AUDREY DERMAWAN
GEORGE TOWN
audreymd@nst.com.my

FISHERMEN in the southern part of Penang island, likely to be affected by the mega Penang South Reclamation (PSR) project, have been told by their peers in the northeastern part to fight the proposed reclamation until the very end, or risk facing the same fate as they did.

Hundreds of fisherfolk from Tanjung Bungah, Tanjung Tokong, Gurney Drive and Paramount claimed their lives had changed for the worse following the reclamation in their backyard, namely the Seri Tanjung Pinang (STP) phase 1 and 2 projects.

(STP1 is a 96ha reclamation project adjacent to STP on Penang Island that is fully reclaimed while STP2 is a 304ha reclaimed island across the waters to the east of STP1.)

They also claimed their income had dropped by 80 per cent, more so in recent years, due to the decline in quantity and quality of their catch, and many of them were living in debt.

Tanjung Bungah Fishermen Unit head Ismail Din, 75, said they were "trapped" into accepting the reclamation in their backyard back then with a RM15,000 compensation for each fisherman and RM2,000 for each assistant crew, and warned their peers not to fall into the same trap.

"We are suffering now. What's more, the massive reclamation in the southern part of the island covers 1,800ha and the effects would be much greater.

"We are with the thousands of fishermen there to champion their cause — to reject the reclamation at all cost. They should learn from what happened to us and not fall into the same trap," he said at the Tanjung Tokong Fishermen Community base here.

A fisherman for more than two decades, Ismail urged the Penang government to help them rebuild their lives.

"If no help is forthcoming, my



Head of the Tanjung Bungah Area Fisheries Unit Ismail Din (striped shirt) with fishermen and NGO volunteers protesting against the Penang South Reclamation project in Tanjung Tokong yesterday. PIC BY DANIAL SAAD

fear is the children of fishermen would no longer be able to afford to go to school in future. Even if they could, the children would go to school on empty stomachs."

The project, which will see the creation of three man-made islands, is to fund the state-initiated RM46 billion Penang Transport Master Plan (PTMP), part of the initiatives to ease traffic on the island.

The fishermen have been opposing reclamation since 2015.

Environmentalists opposing the project had argued that such a project would impact the livelihood of fishermen and the marine ecosystem in the southern part of the island.

Agriculture and Agro-based Industry Minister Daruk Salahuddin Ayub told Parliament two weeks ago that the project would affect 4,996 fishermen in Penang, out of which 1,422 are traditional fishermen.

He had said it was estimated that 51,184 tonnes of catch worth RM555 million a year would be affected as well as 511 marine aquaculture farmers producing 45,742 tonnes of marine fish

worth RM1.67 billion a year would also be impacted.

He said that the Fisheries Department had clearly stated its stand that the PSR project would affect fish catch and marine life.

Sharing Ismail's sentiment was Tanjung Tokong Fishermen Unit head Mohd Ishak Abdul Rahman, 72, who said that the effects of the STP2 project were not only felt by them, but fishermen in Bagan Ajam on the mainland who recently complained that the declining fish catch, especially *ikan kembung*, after the STP reclamation started.

He said they were never consulted about the compensation and input from the Penang Fishermen Association chief was bypassed.

"The token is not a proper compensation for our loss of livelihood," he added.

A committee member of the Tanjung Bungah Fishermen Community special branch, Roland Khoo Boop Lye, said the Penang government should address their plight first, before thinking about reclamation in other parts of the island.

"We are unfortunate. No one cares about us.

"We just want a solution to our problem, in the form of high capacity boats, so that we can go further to fish. That is an appropriate request."

He chided state officials who were no longer seen in their area after the previous general election, where he claimed they previously came in droves for the fisherfolk's votes.

Tanjung Pinang Development (TPD) Sdn Bhd spokesman said they had obtained regulatory approvals for the STP2 development and was continuing to act with an emphasis on compliance.

The spokesman said all work was being carried out in adherence with the conditions of the approved Detailed Environmental Impact Assessment study as well as from all authorities, which include online monitoring of the water quality level in the project area as part of the environmental mitigation measures.

Since 2003, the spokesman said, there had been engagement with the fishermen in the project

vicinity with TPD contributing to the fishermen within the scope that it was required by law and beyond.

"These, among others, include our ex-gratia payment to 152 affected fishermen and 61 assisting crew members on July 3, 2015.

"Subsequent to the first group who received the payment, TPD took the initiative to help 40 eligible fishermen and 15 crew members who were not in the list to make an appeal to the authorities and a second ex-gratia payment took place on Oct 31, 2015.

"The ex-gratia amount and eligible fishermen were determined by state authorities and Fisheries Development Authority of Malaysia," said the spokesman.

As a safety measure, the spokesman said, TPD had been updating the fishermen through its SMS alert protocol of ongoing reclamation activities.

The spokesman said the fishermen had, on the whole, also accepted contributions, such as TPD's school assistance programme, support for festive celebrations and open houses.